

MINYAK MENTAH

▽4 SEN

22 Disember 2016

BH 23/12

Harga minyak jatuh dalam dagangan Asia pada Khamis, diseret oleh kenaikan yang tidak dijangka dalam inventori Amerika Syarikat (AS) minggu lalu dan tindakan Libya untuk meningkatkan pengeluaran dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Bagaimanapun, kejatuhan itu didorong nilai dolar yang lebih lemah dan keyakinan bahawa negara pengeluar akan mematuhi perjanjian untuk mengehadkan pengeluaran bagi menaikkan pasaran.

Niaga hadapan Brent untuk penghantaran Februari jatuh 4 sen kepada AS\$54.42 satu tong pada 0642 GMT, selepas ditutup 89 sen lebih rendah pada penutup sebelumnya.

Harga komoditi itu naik kepada AS\$54.69 satu tong pada awal dagangan semalam.

West Texas Intermediate (WTI) pula turun 5 sen kepa-

da AS\$52.44 satu tong, selepas ditutup 81 sen lebih rendah pada sesi sebelumnya.

Indeks dolar yang mengukur nilai dolar AS berbanding sekumpulan mata wang utama lain, susut apabila pelabur mengambil keuntungan selepas mencatat kenaikan tertinggi dalam tempoh 14 tahun pada 103.65 awal minggu ini.

Bekalan minyak mentah AS mencatat kejutan minggu lalu, apabila menokok 2.3 juta tong berbanding jangkakan penurunan sebanyak 2.5 juta tong, kata Pentadbiran Maklumat Tenaga AS pada Rabu.

Sementara itu, Perbadanan Minyak Kebangsaan (NOC) Libya berkata ia berharap untuk menambah 270,000 tong sehari (bpd) untuk pengeluaran negara selepas negara itu mengesahkan bahawa saluran paip utama di lapangan Sharara dan El Feel dibuka semula.

NOC berkata, pengeluaran Sharara mencapai 58,000 bpd pada Rabu.

REUTERS